

Mari Belajar

BAHASA MELAYU

Bersama

CIKGU MIMI TANTIANA GANING

"Jangan pernah berhenti belajar, karena hidup tak pernah berhenti mengajarkan."

BAHASA MELAYU

KOLEKSI SOALAN TATABAHASA

ARAHAN :

1. Baca semua soalan dengan teliti.
2. Jawab semua soalan.
3. Tulis jawapan di dalam buku latihan.
4. Tidak perlu salin soalan.
5. Gambar jawapan anda dan hantar kepada cikgu.

Disediakan oleh :
Cikgu Mimi Tantiana Hj. Ganing
KaiMimi's Collections.

KATA ADJEKTIF

1. Kata adjektif, juga dikenali sebagai kata sifat, ialah kata yang menjadi inti dalam frasa adjektif seperti *manis sekali*, *sudah lama* sungguh, masih *lebat* lagi.
2. Kata-kata dalam golongan kata adjektif menerangkan keadaan atau sifat sesuatu nama atau frasa nama. Kata adjektif boleh dikenali jika kata berkenaan didahului atau diikuti oleh kata penguat seperti *amat*, *sangat*, *sungguh*, *sekali*, *paling*, *agak*, *benar*.
3. Kata adjektif terbahagi kepada 9 subgolongan:

A) Sifat

contoh: *baru, baik, berani, lemah, kukuh, kemas, cantik, kuat, bijak,*

B) Warna

Contoh: *merah, jingga, ungu, putih, hitam, kuning langsung,*

C) Ukuran

Contoh: *pendek, panjang, tebal, nipis, dalam, besar, kecil, lebar, ramai, cetek*

D) Bentuk

Contoh: *bujur, lurus, lonjong, petak, segitiga, segiempat, bengkok, bulat*

E) Waktu

Contoh: *lama, lambat, lewat, segera, suntuk, lampau, lalu, silam,*

F) Jarak

Contoh: *dekat, hampir, jauh, nyaris*

G) Cara

Contoh: *selalu, jarang, kadang-kadang, kerap, lambat, deras, laju, jelas, muram, lincah, sering "*

H) Pancaindera

Contoh:

- rasa: *sedap, lezat, manis, pedas, payau, masam, masin*
- pandang: *buruk, hodoh, jelita, cantik, tampan, kacak*
- dengar: *bising, sunyi, senyap*
- bau: *busuk, wangi, hangit, hapak, hamis, hanyir*
- sentuh: *kesat, kasar, lembap, halus, licin*

i) Perasaan

Contoh: *takut, seram, benci, rindu, marah, senang, sayang, gembira, geram, sedih*

SOALAN KATA ADJEKTIF

Pilih jawapan yang paling sesuai untuk mengisi tempat kosong dalam ayat-ayat berikut.

- 1 Kaki Pak Senin digigit pacat, darah _____ meleleh di kakinya.
A cair
B putih
C pekat
D merah
- 2 Semua seluarnya sudah menjadi _____ kerana badannya sudah berisi.
A ketat
B besar
C singkat
D longgar

Soalan 3 berdasarkan Gambar 1



Gambar 1

- 3 Buah-buahan tempatan sungguh _____ dan berpatutan pula harganya.
A kelat
B enak
C manis
D masam
- 4 Abdul Halim sedang mengasah sabit kelapa sawit itu kerana sudah _____.
A tajam
B kasar
C kesat
D tumpul

Soalan 5 berdasarkan Gambar 2



Gambar 2

- 5 Air sungai itu _____ kerana sampah sarap dibuang ke dalamnya.
- A jernih
 - B hitam
 - C kotor
 - D bersih
- 6 Pengawas lelaki itu sering membawa buku _____ di dalam poket bajunya.
- A kecil
 - B tebal
 - C besar
 - D panjang
- 7 Cuaca malam ini _____ kerana petang tadi hujan turun dengan lebatnya.
- A sejuk
 - B damai
 - C panas
 - D nyaman
- 8 Udara di Calet Air Panas, Pengkalan Hulu itu sungguh _____.
- A baik
 - B cergas
 - C nyaman
 - D indah

9 _____ sungguh pemandangan hutan di kawasan Air Terjun Kuala Woh itu.

- A Indah
- B Muram
- C Kelam
- D Sayup

10 Pelajar Tahun Enam Waja sangat _____ dan hormat kepada guru-guru mereka.

- A baik
- B malu
- C takut
- D patuh

11 Marsya berasa _____ semasa meraikan hari jadinya.

- A pilu
- B mahu
- C cemas
- D gembira

12 Samad menjolok buah mangga itu dengan menggunakan sebatang galah yang _____

- A tinggi
- B besar
- C kontot
- D panjang

13 Asam jawa selalu digunakan oleh emak untuk menghilangkan bau _____ ikan air tawar.

- A hapak
- B hanyir
- C tengik
- D hancing

14 Penyanyi yang mempunyai suara _____ itu mendapat tepukan gemuruh daripada penonton.

- A serak
- B garau
- C merdu
- D nyaring

15 Roziha yang ringan mulut itu sungguh _____ dengan semua orang walaupun dengan orang yang baru dikenalnya.

- A sombong
- B senang
- C ramah
- D kasar

16 Para pendaki Gunung Kinabalu meneruskan pendakian dalam _____ pagi tanpa berputus asa.

- A kegelapan
- B kedinginan
- C kemalapan
- D kepanasan

17 Dahi adik kelihatan _____ kerana terhantuk pada tiang gol di sekolah.

- A bengkok
- B bengkak
- C botak
- D lekuk

18 Jalan di Bandaraya Kuala Lumpur menjadi _____ apabila menjelang Hari Raya Aidil Fitri.

- A lengang
- B senyap
- C muram
- D suram

19 Mata Aminah _____ kerana terkena air sabun.

- A pedas
- B lebam
- C pedih
- D panas

20 Jambatan yang _____ itu akan dilebarkan untuk kemudahan penduduk Kampung Semangat.

- A luas
- B sempit
- C senang
- D besar

21 Tapak tangan Pak Abu _____ selepas mencangkul tanah di kebunnya petang tadi.

- A menggelupas
- B menggerutu
- C melecur
- D melecet

22 Nana berasa _____ apabila ternampak seekor ulat di dalam buah mangga yang dikupasnya itu.

- A geli
- B haru
- C kelam
- D gundah

- 23 Itik itu mempunyai bulu yang _____ air menyebabkan bulunya sentiasa kering walaupun berada lama di dalam air.
- A kesat
 - B telap
 - C telus
 - D kalis
- 24 Pak Tamin begitu _____ memikirkan anaknya yang belum pulang, apatah lagi hari sudah larut malam .
- A terkilan
 - B runsing
 - C murung
 - D sengsara
- 25 Keadaan menjadi semakin _____ kerana kedua-dua belah pihak tidak mahu mengalah .
- A pelik
 - B gawat
 - C runsing
 - D rencam
- 26 Bau _____ pada bajunya telah hilang setelah disembur dengan minyak wangi yang _____ itu .
- A busuk - tengik
 - B hanyir - wangi
 - C hapak - harum
 - D hancing - mersik
- 27 Cik Loh sangat _____ mendengar lagu yang dinyanyikan oleh biduanita itu .
- A ghairah
 - B asyik
 - C tekun
 - D leka
- 28 Durrah tergelincir semasa melalui jalan yang _____ itu .
- A becak
 - B lembik
 - C lembap
 - D bengkok
- 29 Tiang-tiang elektrik di tebing itu _____ selepas berlakunya gegaran.
- A serong
 - B bengkok
 - C bongkok
 - D condong

30 Motosikal yang dipandu laju itu _____ melanggar kereta yang datang dari arah bertentangan .

- A jauh
- B cepat
- C dekat
- D nyaris


31 Micheal Lim mengalirkan air mata kerana terlalu _____ mendengar berita tentang kemalangan itu.

- A sedih
- B hairan
- C terkejut
- D gembira

32 "Buah duku langsung itu sangat manis sekali dan _____ pula rasanya," kata Ghani.

- A lazat
- B busuk
- C kelat
- D harum

Soalan 33 berdasarkan Gambar 3



Gambar 3

33 Budak itu lemas kerana dihanyutkan oleh arus sungai yang sangat _____.

- A pantas
- B cepat
- C deras
- D kencang

34 Kerjanya yang _____, dapat menjadikan gubahannya begitu cantik.

- A teliti
- B lemah
- C sopan
- D lembut

35 Bangunan yang _____ itu akan dirobohkan oleh Majlis Perbandaran Shah Alam kerana boleh membahayakan keselamatan orang ramai.

- A baru
- B antik
- C retak
- D runtuh

36 Suasana di Kampung Teluk Penadah sungguh _____ dan tenang.

- A sibuk
- B damai
- C serabut
- D gembira

37 Kakak tidak suka akan daging kambing baunya yang _____

- A hapak
- B tengik
- C hamis
- D haring

38 Amirul berjalan dengan _____ kerana dia hendak cepat sampai di rumahnya.

- A tertib
- B gopoh
- C pantas
- D cermat

39 Nur Hayati berasa _____ untuk berpisah dengan kawan-kawan sedarjahnya.

- A pilu
- B gusar
- C geram
- D marah

Soalan 40 berdasarkan Gambar 4



Gambar 4

- 40 Kemalangan jalan raya itu berpunca daripada _____ pemandunya.
- A kelajuan
 - B kelalaian
 - C keberanian
 - D kesibukan
- 41 Seluar itu tidak _____ untuk abang kerana pinggangnya besar.
- A masuk
 - B muat
 - C muak
 - D mual
- 42 Dia berazam untuk _____ badannya seperti dua tahun lalu.
- A menjadikan
 - B mengecilkan
 - C mengecutkan
 - D menguruskan
- 43 Kucing hitam itu mencuri ikan yang _____ digoreng oleh kakak.
- A baru
 - B lama
 - C segar
 - D layu
- 44 Ayah sedang mengasah parang yang _____ itu.
- A tumpul
 - B tajam
 - C tebal
 - D nipis
- 45 Walaupun umur adik baru empat tahun, tetapi dia _____ bercakap.
- A laju
 - B petah
 - C bising
 - D pandai
- 46 Wajah Azril _____ apabila disindir oleh rakan-rakannya.
- A masam
 - B masin
 - C manis
 - D manja

- 47 Hujan_____telah mengakibatkan tanah di lereng bukit itu runtuh.
A kuat
B lebat
C hebat
D renyai
- 48 Kereta itu terbabas kerana dipandu terlalu_____.
A laju
B tajam
C cepat
D lambat
- 49 Pemerintah negara itu sangat_____kerana telah menindas rakyatnya.
A baik
B keras
C kejam
D waras
- 50 Encik Haziq memandu van_____nya itu dengan berhati-hati.
A kecil
B baharu
C usang
D elok
- 51 Air kopi itu _____ kerana langsung tidak dimasukkan gula.
A pahit
B masin
C manis
D masam
- 52 Lalu-lintas di situ kembali _____ setelah kenderaan yang terlibat dalam kemalangan itu dialih ke tepi.
A tegang
B gelap
C pulih
D pilu
- 53 Anak Encik Nazri yang berusia tujuh tahun begitu _____ menggunakan komputer.
A geliga
B cekap
C petah
D fasih

- 54 Rasa pisang muda amat _____ kerana masih mengandungi banyak getah.
- A kelat
 - B pahit
 - C manis
 - D masam
- 55 Zurina berasa takut apabila tinggal di dalam bilik yang _____ itu.
- A senyap
 - B sunyi
 - C diam
 - D riuh
- 56 Perut ikan buntal yang _____ itu menarik perhatian saya .
- A lebar
 - B buncit
 - C sendat
 - D runcing
- 57 Pokok kelapa yang _____ itu telah tumbang dipukul ribut petang semalam.
- A luas
 - B tinggi
 - C rimbun
 - D panjang

Soalan 58 berdasarkan Gambar 5



Gambar 5

- 58 Pada hari minggu, Albert Lim menonton televisyen hingga _____ malam.
- A hari
 - B larut
 - C gelap
 - D nampak

59 Keadaan jalan raya di selekoh tersebut sangat _____ selepas hari hujan.

- A laju
- B rata
- C licin
- D lekuk

60 Kamus dwibahasa edisi baharu yang _____ itu berharga RM45.00 sahaja.

- A nipis
- B tebal
- C berkilat
- D berwarna

61 Abang melarang kami bermain berhampiran dengan tasik yang _____ itu.

- A jauh
- B cetek
- C dalam
- D dangkal

62 Orang _____ itu menderma sejumlah wang untuk membina surau di kampungnya.

- A kaya
- B papa
- C cerdik
- D peramah

63 Keropok ubi kayu itu menjadi _____ kerana tidak disimpan di dalam bekas kedap udara.

- A kuat
- B tajam
- C lemau
- D garing

64 Perabot yang dijual di kedainya itu dibuat daripada kayu _____ yang diimport.

- A nipis
- B tebal
- C kesat
- D keras

65 "Kamu bukan tidak pandai, cuma _____ membaca buku," kata Cikgu Siti Noridah.

- A bijak
- B malas
- C cerdik
- D pandai

66 Janganlah _____ bermain, banyak lagi kerja rumah yang perlu kamu selesaikan.

- A asyik
- B tekun
- C sering
- D kurang

67 Karipap yang digoreng menggunakan minyak yang berbau _____ tidak sedap untuk dimakan.

- A hangit
- B tengik
- C busuk
- D basi

68 Ah Meng terpaksa bercakap dengan nada yang _____ kerana ayahnya mengalami masalah pendengaran.

- A kuat
- B kasar
- C tinggi
- D kesat

69 Akar seruntun memang terkenal dengan rasanya yang _____.

- A pahit
- B masin
- C masam
- D manis

70 Asap _____ meliputi kawasan perumahan itu semasa kebakaran.

- A tebal
- B nipis
- C berkilat
- D berwarna

71 Keadaan Pantai Teluk Cempedak yang agak _____ itu membahayakan anak- anak yang bermain di situ.

- A pantai
- B curam
- C dalam
- D rendah